

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2



MODUL 1

PROF. TS. DR. SALMIAH KASOLANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi tahmid kesyukuran ke hadirat Tuhan Yang Maha Rahman, dengan limpah dan kurniaan-Nya mengizinkan kita untuk bertemu di dalam Majlis Perasmian Bengkel Bootcamp Unicorn Scholar Programme (USP) 2.0 yang penuh bermakna ini.

Sesungguhnya saya merasa bangga melihat penglibatan peserta Bengkel Bootcamp Unicorn Scholar Programme (USP) 2.0 yang telah hadir pada bengkel kali ini yang bukan sekadar memenuhi tanggungjawab atau sekadar menyertakan diri, tetapi telah berjaya mengasak jiwa kita untuk mendengar majlis ilmiah seperti ini. Hanya mereka yang hebat sahaja mampu melakukannya. Syabas saya ucapkan kerana anda adalah insan yang hebat.

Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan MASMED selaku Jawatankuasa Pelaksana bengkel BOOTCAMP USP2.0 Modul 1 kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.

PENCAPAIAN MASMED DALAM MEWARNAI EKOSISTEM KEUSAHAWANAN DI UTM

Hadirin yang dikasih,

UTM melalui MASMED sememangnya mempunyai kekuatan besar untuk mengurus visi keusahawanan negara. Potensi MASMED di dalam menyokong dan membangunkan sektor keusahawanan di Malaysia yang juga merupakan salah satu hasrat kerajaan telah banyak kali dibuktikan termasuklah melalui usaha-usaha seperti program UTM Unicorn Scholar Program (Entrepreneurship), atau UTM USP ini. Baru-baru ini, MASMED telah berjaya melancarkan majlis penutupan Smart Agro-Solarpreneur iaitu salah satu inisiatif dalam program "UTM Signature Program". Smart Agro-Solarpreneur adalah merupakan gabungan projek usahawan vendor Solar, Fertigi dan Kkulut, yang ditaja oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan sumbangan dana berjumlah RM150,000.00. MASMED juga telah berkolaborasi dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam penganjuran program Keusahawanan eBaypreneur yang memberikan pendedahan kepada mahasiswa, staf dan komuniti dengan kemahiran keusahawanan melalui platform e-dagang, khususnya eBay.



Alhamdulillah, pencapaian ini merupakan hasil berkat semangat berpasukan dan keikhlasan semua warga dalam memacu MASMED UTM untuk menjadi lebih progresif. Ini juga membuktikan bahawa MASMED serius dalam memperjuangkan pembangunan Bumiputera secara holistik seiring dengan nilai-nilai Kecemerlangan, Sinergi, dan Integriti. MASMED UTM juga menerapakan moto "Usaha, Takwa, Mulia" sebagai landasan utama dalam setiap inisiatif, dan berpegang teguh kepada tema "Globally Renowned, Locally Rooted".

LATAR BELAKANG BENGKEL BOOTCAMP USP2.0

Hadirin yang saya muliakan,

Untuk makluman semua, Bengkel BOOTCAMP USP2.0 ini adalah kesinambungan daripada kejayaan USP1.0 yang telah disempurnakan pada Mei 2023. Bengkel ini kita fokuskan kepada kumpulan pelajar dari golongan B40 dan asnaf yang mempunyai tahap akademik yang tinggi, mempunyai sifat kepimpinan yang baik dan berdaya semangat keusahawanan yang tinggi.

Saya dimaklumkan pada bengkel kali ini, seramai 20 orang peserta yang akan mengikuti lima (5) modul iaitu Modul 1 – Pembentukan Diri Usahawan, Modul 2 – Carta Nilai Perniagaan, Modul 3 – Kenali Perniagaan melalui Kaedah Business Canvas, Modul 4 – Penghasilan Strategi Perniagaan, dan Modul 5 – Penubuhan perniagaan & persekitaran perundangan yang pada hemat saya bermanfaat untuk para peserta kelak. Modul-modul ini dibangunkan untuk membentuk pelajar UTM sebagai individu yang mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi, memiliki minda keusahawanan yang kreatif dan inovatif, serta mampu bersaing di peringkat industri dan antarabangsa. Bengkel ini juga adalah pelaksanaan kepada mencapai misi dan visi program keusahawanan MASMED ke arah kecemerlangan berlandaskan agenda pendidikan keusahawanan di UTM. Melalui bengkel ini kita akan mengidentifikasi para peserta yang benar-benar ingin menjadi usahawan.

MASMED UTM akan sentiasa menyokong dan melipatgandakan usaha dalam misi untuk membangunkan minda keusahawanan khasnya kepada Bumiputera agar bersedia untuk menghadapi cabaran dekad ini. Hasrat MASMED UTM adalah untuk merealisasikan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang merupakan satu dasar di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Dasar ini diwujudkan bagi menyokong pembangunan komuniti keusahawanan yang inklusif dan kompetitif, khususnya sektor PKS, yang mampu bersaing di pasaran global, serta merangsang pembangunan kumpulan B40 dan usahawan sosial.

Ledakan teknologi yang berlaku masa kini dan pelbagai lagi perubahan besar yang akan dialami oleh dunia pada dekad-dekad mendatang sudah pasti akan menuntut kepada kekuatan minda rakyat Malaysia khususnya. Maka, kekuatan moral dan peribadi jitu yang dipupuk di dalam konsep keusahawanan adalah diharap akan bakal melahirkan ramai graduan yang berdaya tahan dan bertaraf dunia.



PERANAN MASMED DALAM MEMPERKASAKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bertitik tolak daripada agenda ini, UTM melalui MASMED giat melaksanakan program pendidikan dan latihan dalam keusahawanan bagi memperkukuhkan asas pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

MASMED UTM akan terus mendedahkan para peserta kepada pelbagai model keusahawanan seperti keusahawanan digital, platform perdagangan dalam talian, dan alat-alat digital yang boleh digunakan untuk membangunkan perniagaan. MASMED UTM juga akan terus memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar dengan menyediakan pendekatan keusahawanan, kelab keusahawanan, dan program-program pemerckasaan diri agar peluang keusahawanan itu dilihat terbuka luas dan global seperti gagasan yang dicanangkan oleh Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, "Globally Renowned, Locally Rooted".



HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasahi sekalian,

Saya menyeru kepada semua peserta BENGKEL BOOTCAMP UNICORN SCHOLAR PROGRAMME USP2.0 (MODUL 1) untuk galilah sebanyak-banyaknya ilmu yang akan disampaikan dalam bengkel ini. Lontarkanlah segala pertanyaan atau keraguan yang bermain di benak minda tuan-puan sekalian kepada pakar yang kami datangkan khas ini. Saya pasti mereka tidak akan lokek untuk berkongsi apa yang mereka punyai kepada hadirin semua. Semoga pada hari Jumaat yang penuh barakah ini, segala usaha murni kita diberkati oleh Allah SWT. Syabas sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat. Semoga kejayaan bengkel ini menjadi sebahagian daripada langkah bermakna perjalanan hadirin semua untuk bergelar seorang usahawan yang berjaya.



**Burung merpati di dalam sangkar.
Baru sepurnama dapat dijerat.
Kalau kita rajin belajar,
Kelak kejayaan pasti mendapat.**

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan "BENGKEL BOOTCAMP UNICORN SCHOLAR PROGRAMME USP2.0 (MODUL 1)" pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidsyah Wasalamualaikum Warahmatullahi Waberakatuhi. Terima kasih.

Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS
USAHAWAN**